

MDEC galak rakyat berbelanja online

Kuala Lumpur: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melancarkan kempen *Shop Malaysia Online* untuk memacu pemulihan ekonomi negara pasca-Covid-19 menerusi usaha mendorong serta menggalakan rakyat berbelanja secara dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri berkata, kempen bermula 1 Ogos lalu hingga akhir September ini antara inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

(Penjana) yang menyaksikan kerjasama kerajaan dengan sektor swasta.

“Menerusi kempen ini, pengguna akan diberikan kod promosi dan pelbagai baucar diskaun di platform e-dagang supaya mereka meningkatkan perbelanjaan terhadap produk tempatan.

“Baucar yang diberikan membolehkan pengguna menebusnya untuk menikmati potongan harga dan kos penghantaran,” katanya dalam kenyataan.

**Kempen
bermula 1 Ogos
lalu hingga akhir
September ini**